

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN NO. 345

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) usaha Kementerian memastikan individu-individu yang mengalami isu kesihatan mental di laman media sosial menerima perhatian sewajarnya, berikutan kes bunuh diri seorang remaja Sarawak baru-baru ini ; dan
- b) usaha Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan bantuan ini termasuk dalam tuntutan insurans.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan kajian NHMS (National Health dan Morbidity Survey) pada 2017 mendapati prevalen kemurungan dalam kalangan remaja berumur antara 13 sehingga 17 tahun adalah 18.3 % serta idea bunuh diri sebanyak 10 %, rancangan bunuh diri adalah 7.3% dan percubaan bunuh diri adalah 6.9% (*suicidal idea, plan, attempt*) data ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.1% berbanding kajian yang dilakukan pada tahun 2012. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah:

1. Membangunkan Garis Panduan Pelaporan Bunuh Diri di media bagi memastikan pelaporan bunuh diri tidak disensasikan dengan

paparan gambar dan cara-cara bunuh diri yang digunakan. Garis panduan ini juga menekankan tentang kepentingan memberikan informasi untuk mendapatkan bantuan jika seseorang bercenderung membunuh diri.

2. Menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di empat (4) buah institusi mental dan 61 hospital kerajaan di seluruh Malaysia yang menawarkan perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi kepada individu yang mengalami kemurungan dan keinginan bunuh diri. Di peringkat kesihatan primer, sebanyak 1001 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental dengan lebih 200 orang Pakar Perubatan Keluarga yang terlatih dalam merawat kemurungan dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri.

3. Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Program Minda Sihat dan Program Resilien Remaja dalam kalangan murid sekolah menengah seluruh negara. Melalui saringan minda sihat *Depression Anxiety Stress Scales* (DASS) yang dilaksanakan ke atas pelajar, tahap stres, keresahan dan kemurungan pelajar boleh dikenalpasti untuk diberi intervensi bersesuaian oleh kaunselor sekolah. Guru-guru turut diberi latihan mengenalpasti awal masalah kemurungan dan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan pelajar melalui skop "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan" di dalam Modul Latihan Minda Sihat.

4. Bekerjasama mempromosikan perkhidmatan *The Befrienders*, satu NGO yang menawarkan perkhidmatan kaunseling melalui telefon dan e-mel. Kaunseling secara tertutup melalui laman web facebook www.facebook.com/Befrienderskl kepada individu yang mempunyai masalah emosi, murung, dan keinginan untuk membunuh diri juga ditawarkan.

5. Membangunkan Modul Latihan Pencegahan Bunuh Diri untuk 'frontliners', Garis Panduan Amalan Klinikal Pengendalian Kemurungan dan Skizofrenia serta Garis Panduan Mengendalikan Kes Tingkahlaku Bunuh Diri di Hospital. Latihan kepada anggota kesihatan dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai

kemurungan, masalah mental atau tingkah laku bunuh diri juga telah dipertingkatkan.

6. Mengadakan aktiviti-aktiviti promosi bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai gejala bunuh diri termasuklah:

i. Sambutan Hari Cegah Bunuh Diri Sedunia, Seminar “Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan” yang dilaksanakan secara berkala dan melibatkan pelbagai agensi antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, (APAM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK); dan

ii. Sambutan hari Kesihatan Sedunia bertemakan ‘Depression Let’s Talk’ atau ‘Kemurungan Mari Berbincang’ telah menekankan kepentingan kemurungan dan cara-cara mengenalpasti simptom kemurungan serta keperluan untuk mendapatkan bantuan.

7. Membangunkan Pelan Tindakan dan Strategik Pencegahan Bunuh Diri Kebangsaan (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*) dengan kerjasama agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dan sokongan dari Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menggariskan skop-skop utama berikut bagi menangani tingkah laku bunuh diri dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.